

DR.M TOLAK SYOR RAHMAN

Oleh Shahbuddin Abdullah

MM 25 AUG 1985

KUCHING 24 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak sama sekali syor bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub supaya UMNO mengembangkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak, kecuali hanya ke Labuan yang terletak di bawah Kerajaan Persekutuan.

Ini adalah kerana, menurut Perdana Menteri, UMNO tidak mahu mengganggu dan bersaing dengan parti-parti lain yang wujud di kedua negeri itu sekarang, tetapi sebaliknya lebih suka bekerjasama dengan mereka dalam semangat persefahaman Barisan Nasional.

Serentak dengan itu Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan sokongan penuh Kerajaan Pusat terhadap Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud selaku Ketua Menteri Sarawak sambil mengingatkan seluruh rakyat supaya jangan sekali-kali terpengaruh dengan golongan yang cuba menimbulkan perasaan benci dan irihati terhadap pemerintahannya.

"Saya tidak nampak ada kelemahan di dalam corak pemerintahan beliau, tetapi kalau rakyat terpengaruh dengan dakyah - dakyah dari mana-mana golongan yang mempunyai kepentingan diri sendiri dan mem-

DR. M TOLAK SYOR RAHMAN

MM 25 AUG 1985

kerajaan mana pun akan menjadi lemah, termasuk BN sendiri," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika bercakap kepada para pemberita di lapangan terbang antara-bangsa di sini pagi ini sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan selama lima hari ke Sarawak.

Beliau telah ditanya mengenai syor yang dibuat oleh Tun Haji Abdul Rahman Ya'kub baru-baru ini yang mahukan UMNO membuka cawangan-cawangannya di Sabah dan Sarawak dengan alasan untuk mempercepatkan lagi perpaduan dan integrasi nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, parti itu tidak berhasrat bersaing dengan parti-parti yang telah wujud sekarang kerana "saya tidak fikir kita perlu mengganggu orang lain."

"Malah UMNO berbangga dapat bekerjasama dengan parti-parti lain di kedua-dua negeri itu," tambahnya.

Bagaimanapun beliau berkata UMNO akan memasuki Pulau Labuan yang merupakan Wilayah Persekutuan kerana memandangkan tidak ada persaingan di situ. Untuk itu, UMNO juga akan meletakkan seorang calon untuk bertanding di sana.

Mengenai perkembangan di Sarawak, Perdana Menteri berkata: "Saya amat berpuas hati dengan prestasi

yang ditunjukkan oleh Datuk Patinggi Haji Taib dan idea "pecah dan perintah" (divide and rule) yang dibangkitkan oleh golongan tertentu adalah buruk."

Dalam hubungan ini beliau menyeru rakyat supaya menghepikan mana-mana pihak yang cuba timbulkan perasaan benci dan irihati terhadap perpaduan kaum di negeri ini agar ia tidak menjejaskan kelancaran pembangunan.

Katanya, kerjasama kaum, harmoni dan persefahaman adalah faktor penting pada pembangunan dan beliau berharap faktor-faktor tersebut yang telah banyak membantu pembangunan negeri Sarawak dikedalkan.

Perdana Menteri kesal ada golongan yang telah mempengaruhi rakyat hingga menaikkan kos pembinaan projek kuasa hidro-elektrik di Batang Ai yang mengakibatkan rakyat seluruhnya tidak dapat dinikmati kemudahan kuasa itu dengan lebih murah seperti yang dikehendaki oleh kerajaan.

Oleh itu rakyat Sarawak seharusnya menyalahkan golongan tersebut atas ketinggian harga elektrik di negeri ini dan bukan kerajaan, tegas beliau. Ini adalah kerana akibat dari perbuatan tidak bertanggungjawab itu, rakyat miskin akan menderita dengan beban bayaran harga bekalan elektrik yang tinggi, tambahnya.

Mengenai ugutan CUEPACS tidak mahu membe-

rikan sokongan kepada kerajaan sekiranya tuntutan kenaikan gaji mereka tidak dilayan, beliau berkata: "Tentu aneh kalau kita berjuang hanya untuk kepentingan poket saja. Apa yang perlu adalah agihan kekayaan negara ini untuk menikmati oleh rakyat seluruhnya."

"Kerajaan tidak akan tunduk kepada ugutan dari satu-satunya kumpulan kerana ia akan mengakibatkan kumpulan lain menurut yang sama," tegas beliau.

CUEPACS adalah rakyat, katanya, mereka yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan bebas mengundi sesiapa saja yang difikirkan dapat memerintah negara ini dengan baik, tetapi harus diingat bahawa pegawai-pegawai kerajaan, terutama pegawai tinggi, tidak dibenarkan bergiat dalam politik.

Mengenai MCA Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan perlunya jawatankuasa sementara yang diketuai oleh Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba mengendalikan urusan MCA.

Saya tidak perlu mengiktiraf apa-apa (mengenai pelbagai puak dalam MCA sekarang).

"Malah, jawatankuasa sementara yang sepatutnya memimpin parti itu," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, ini adalah kerana jawatankuasa sementara itu ditubuhkan oleh mahkamah untuk menyelesaikan masalah parti itu.